



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.32/2018

PENGGUNAAN BAHAN KEMPEN SEMASA TEMPOH BERKEMPEN BAGI PILIHAN RAYA UMUM KE-14 (PRU KE-14)

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) sebagai badan yang bertanggungjawab menjalankan fungsi pengurusan pilihan raya ingin memaklumkan bahawa tempoh berkempen bagi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU Ke-14) akan bermula pada **28 April 2018** hingga **8 Mei 2018** tertakluk kepada adanya pertandingan di bahagian pilihan raya yang berkenaan.
2. Bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkempen, SPR telah menubuhkan **445 Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR)** di seluruh negara. Fungsi utama PP-KPR adalah seperti yang berikut:
 - (i) membuat rondaan dan memantau aktiviti berkempen oleh calon/ejen pilihan raya atau parti politik;
 - (ii) menurunkan bahan kempen yang melanggar Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954;
 - (iii) meminta bantuan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memberhentikan ucapan/ceramah/syarahan oleh calon/ejen pilihan raya atau parti politik yang tidak mendapat permit daripada pihak Ketua Polis Daerah; dan
 - (iv) mengawal dan menyelaras pelaksanaan mana-mana aktiviti berkempen.

3. Dalam memastikan aktiviti kempen oleh pihak-pihak yang bertanding berlangsung dengan aman dan lancar serta tidak mengelirukan pengundi, SPR telah membuat penyelarasan semula terhadap dasar sedia ada dengan mewujudkan syarat-syarat tambahan berkaitan penggunaan bahan-bahan kempen seperti di **LAMPIRAN**.
4. SPR menyeru agar setiap calon atau parti politik yang bertanding supaya tidak berkempen dengan cara yang boleh menimbulkan hasutan, permusuhan, mengembangkan perasaan jahat dan sebagainya selaras dengan Seksyen 4A, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.
5. Justeru, semua pihak termasuk pemimpin dan penyokong parti politik serta calon-calon yang bertanding diminta untuk mematuhi undang-undang, peraturan, tataetika dan arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh SPR, PDRM atau pihak berkuasa yang lain. SPR berharap semua aktiviti berkempen pada PRU-14 akan berjalan dengan lancar serta tidak mengganggu ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

PUTRAJAYA

Tarikh : 24 April 2018 / 8 Syaaban 1439H

LAMPIRAN

**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN
PENGUNAAN BAHAN KEMPEN PILIHAN RAYA UMUM KE-14**

Permit Bahan Kempen

- (a) Pemasangan bahan-bahan kempen mestilah **mempunyai permit untuk mempamerkan bahan-bahan kempen** kepada orang ramai dalam bahagian pilihan raya yang ditandinginya. Permit bahan kempen tersebut akan dikeluarkan oleh Pengarah Pilihan Raya Negeri tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan di bawah Seksyen 24B (4), Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Penggunaan Gambar Pemimpin Utama Parti Politik

- (b) Dihadkan kepada gambar **2 orang pemimpin utama** parti politik iaitu **Presiden (atau setaraf dengannya)** dan **Timbalan Presiden (atau setaraf dengannya)** bagi parti politik yang bertanding (berdasarkan kepada penggunaan lambang/symbol parti politik yang didaftarkan oleh calon semasa Hari Penamaan Calon).
- (c) Jawatan selain daripada **Presiden (atau setaraf dengannya)** dan **Timbalan Presiden (atau setaraf dengannya)** parti adalah **tidak dibenarkan**.
- (d) Bahan kempen tersebut boleh **digabungkan** atau **diletakkan secara berasingan** bagi gambar kedua-dua pemimpin utama parti politik.

**Gabungan Gambar Pemimpin Utama Parti
Politik Di Atas Satu Bahan Kempen**

- (e) Gabungan gambar pemimpin utama parti politik **di atas satu bahan kempen yang sama** hanya dihadkan kepada **Presiden (atau setaraf dengannya), Timbalan Presiden (atau setaraf dengannya), Pengerusi Perhubungan Negeri Parti (atau setaraf dengannya), Menteri Besar/Ketua Menteri dan calon** (berdasarkan kepada penggunaan lambang/symbol parti politik yang didaftarkan oleh calon semasa Hari Penamaan Calon).
- (f) Jawatan selain daripada yang dinyatakan di perenggan (e) adalah **tidak dibenarkan**.

Penggunaan Lambang/Symbol Parti Politik

- (g) Calon-calun yang bertanding mewakili parti politik dan ingin mengguna pakai lambang/symbol parti politik diminta agar memastikan **lambang/symbol parti politik itu berdaftar dengan SPR**.
- (h) Lambang/symbol parti politik bagi **calon yang bertanding dan lambang/symbol parti komponen berdaftar sebagai gabungan/pakatan yang diwakili calon tersebut dibenarkan** untuk dipamer secara **bersama atau berasingan** di bahagian pilihan raya di mana calon tersebut bertanding.

Syarat-syarat sedia ada seperti mana yang telah ditetapkan sebelum ini dan peruntukan undang-undang di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 **MASIH TERPAKAI** kecuali berkaitan syarat-syarat tambahan yang dinyatakan. Contoh penyelarasan syarat-syarat tambahan bahan kempen bagi PRU Ke-14 adalah seperti di **LAMPIRAN**.

Suruhanjaya Pilihan Raya
24 April 2018